

**Pk. P.U. 24.****ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004****FATWA MENGENAI AJARAN CAHAYA QURSANI ADALAH SESAT**

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan bahawasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

“Amalan dan kepercayaan dalam ajaran Cahaya Qursani adalah sesat dan menyeleweng dari Ajaran Islam yang sebenar. Umat Islam diharamkan untuk beramal dan beriktikad dengan kepercayaan tersebut. Sesiapa sahaja yang mengamalkan dan beriktikad dengan ajaran ini adalah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Perak. Oleh itu mana-mana pengikut dan orang Islam yang mengamalkan dan beriktikad seperti itu adalah sesat dan wajib bertaubat”.

Bertarikh 13 Mei 2010  
[MNPk.A351.IST/01/7 Jld. 2;  
PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Perak Darul Ridzuan*